



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan,
Jalan Dato' Hamzah, Karung Berkunci No. 6,
70990 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel : 06-7653100
Faks : 06-7639969
Laman Web : jpns.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNS.SPPK.KOKU.900.1/33Jld.3(72)

Tarikh : 24 Januari 2019

**Semua Pengetua dan Guru Besar,
Sekolah-Sekolah Negeri Sembilan.**

Tuan,

HEBAHAN PENGANJURAN PROGRAM / AKTIVITI KUALA LUMPUR ENGINEERING SCIENCE FAIR (KLESF : THE FAIR 2019)

Merujuk kepada surat daripada Kuala Lumpur Engineering Science Fair bertarikh 8 Januari 2019 dan Surat Kelulusan daripada Sektor Operasi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM.600-14/1/20JLD26() bertarikh 27 Disember 2018 berkaitan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama – sama ini disertakan sesalinan surat dan maklumat berkaitan perkara di atas untuk rujukan dan tindakan tuan selanjutnya.
3. Untuk makluman pihak tuan, jabatan ini tiada halangan untuk membenarkan dan malah menggalakkan pihak sekolah menyertai program ini. Pihak sekolah juga diminta untuk memastikan perkara berikut dipatuhi dan diambil perhatian sewajarnya:
 - i. Mendapat kebenaran daripada Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat;
 - ii. Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
 - iii. Murid-murid dan guru serta pihak sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
 - iv. Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;
 - v. Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
 - vi. Penglibatan murid juga perlu diiringi guru sekolah berkenaan;
 - vii. Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
 - viii. Perlindungan insurans dan langkah- langkah keselamatan murid disediakan; dan
 - ix. Penggunaan Jata Negara dengan perkataan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memaklumkan akan kerjasama program ini dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan sebarang logo yang berkaitan dibenarkan hanya untuk backdrop, banner, sijil, cenderamata, kad jemputan serta buku program sahaja dan tidak dibenarkan untuk tujuan mendapatkan tajaan atau lain-lain yang bertujuan komersial.

HEBAHAN PENGANJURAN PROGRAM / AKTIVITI KUALA LUMPUR ENGINEERING SCIENCE FAIR (KLESF : THE FAIR 2019)

4. Untuk butiran lanjut tentang program ini, sila layari laman sesawang <https://www.klesf.net/>. Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan Penyelaras Program KLESF, **Pn. Marianne binti Masli** di talian **03-90860288 sambungan 119** atau **Cik Lee Woan Shiang** di talian **03-90860288 sambungan 118**. Pegawai di jabatan ini, **En. Abdul Halim Bin A. Hamid** di talian **06 7653496 / 012 6908826 Unit Kokurikulum** sedia untuk membantu.

Kerjasama tuan amat dihargai dan disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,


(MUZIR BIN AB MANAN)

Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan
b.p Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

s.k 1. Pengarah Pendidikan N. Sembilan
 2. Semua PPD



Kuala Lumpur Engineering Science Fair

Universiti Tunku Abdul Rahman
Jalan Sungai Long, Bandar Sungai Long
Cheras, 43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: (603) 9086 0288 Ext: 118/119 Fax: (603) 9019 788
Url: www.klesf.net Email: info@klesf.net

KETUA UNIT

UKK HEM SUKAN
 PPDa PKKN
 Makluman

*sila ambil perhatian butiran #

8 Januari 2019



YBrs. Tuan Haji Pkharuddin Bin Ghazali
Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah,
70990 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus
(U/P: Unit Ko-Kurikulum)

(Signature)
 (Signature)
 (MUZIR BIN AB. MANAN)
 KETUA SEKTOR
 SEKTOR PENGURUSAN PEMBANGUNAN KEMANUSIAAN
 JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN
 (Signature)
 HJ. MIZRI BIN MISTANA
 Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
 Jabatan Pendidikan
 Negeri Sembilan Darul Khusus

YBrs. Tuan Haji,

Permohonan Kelulusan dan Hebahan Penganjuran Program/Aktiviti Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF: The Fair 2019)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut. Surat kelulusan daripada Sektor Operasi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM.600-14/1/20 JLD26) bertarikh 27 Disember 2018 seperti lampiran adalah berkaitan.


2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa *The ASEAN Academy of Engineering and Technology (AAET)*, *Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)*, *Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT)* dan *The Institution of Engineers Malaysia (IEM)* akan menganjurkan **KLESF: The Fair 2019** bermula daripada 1 hingga 3 November 2019 bertempat di **MINES International Exhibition & Convention Centre (MIECC)**.

3. Antara program/aktiviti yang telah dimulakan oleh KLESF dan bakal berlangsung adalah seperti berikut:

No	Program/Aktiviti KLESF	Cadangan Tarikh
1	<i>KLESF: The Fair 2019</i>	1 hingga 3 November 2019
2	<i>KLESF Mentorship Programme (KMP)</i>	Tarikh akan ditentukan kemudian
3	<i>KLESF Mentor Development Programme (KMD)</i>	Tarikh akan ditentukan kemudian
4	<i>Symposium on Science Education (SOSE)</i>	Tarikh akan ditentukan kemudian

En. Halim
 Makluman
 Makluman
 *sila ambil perhatian butiran #
 Sila ambil perhatian #
 U/P :
 simpanan/fail
 (Signature)
 ZAINABABI KASSIM
 KETUA UNIT KOKURIKULUM, JPNS

Jointly organised by:



5	<i>KLESF Mini Workshop</i>	12 sesi setahun (Tarikh akan ditentukan kemudian)
7	<i>KLESF Mobile Workshop</i>	Akan diadakan pada 12 hingga 13 Julai 2019 di Kuching, Sarawak bersempena dengan Pesta Minda & STEM.
8	<i>KLESF International Link</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Peserta- peserta dari luar negara dijemput untuk mengambil bahagian dalam KLESF Challenge Competition 2019. • Pelajar-pelajar Malaysia yang memenangi KLESF Challenge akan berpeluang dipilih sebagai wakil negara dalam pertandingan peringkat antarabangsa.
9	<i>E-certificate</i>	E-certificate akan dikeluarkan kepada pelajar-pelajar yang mengunjungi dan menyertai bengkel STEM yang disediakan semasa Pameran KLESF.
10	Pertandingan Inovasi Sains, Teknologi dan Kejuruteraan Peringkat Kebangsaan 2019	Pertandingan Inovasi Sains, Teknologi dan Kejuruteraan Peringkat Kebangsaan 2019 akan diadakan sempena festival KLESF.
11	Forum Pendidikan Industri 4.0 & Ceramah STEM @ Sekolah	Forum Pendidikan Industri 4.0 adalah untuk memberi pendedahan kepada ibubapa melalui PIBG mengenai STEM. Ceramah STEM pula merupakan ceramah yang akan diadakan di sekolah-sekolah sekiranya terdapat permintaan daripada pihak sekolah.

4. Sebagai makluman pihak tuan, Pesta KLESF: The Fair 2018 yang dianjurkan ***MINES International Exhibition & Convention Centre (MIECC)*** telah menerima kunjungan seramai 60,000 ribu pengunjung yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah, guru-guru sekolah, ibu bapa, pihak industri dan orang awam.

5. Sehubungan itu, dengan ini pihak kami berbesar hati untuk menjemput sekolah-sekolah di Negeri Sembilan untuk menghadiri pameran KLESF: The Fair 2019. Walau bagaimanapun, adalah dimaklumkan bahawa pihak penganjur tidak akan menanggung kos pengangkutan serta makan dan minum sepanjang pameran KLESF berlangsung.

6. Kami juga ingin menjemput sekolah-sekolah di Negeri Sembilan untuk menyertai pameran STEM atau pertandingan KLESF International Challenge 2019. Butiran lanjut mengenai pameran dan pertandingan ini akan dimuat-naik ke dalam laman sesawang kami, <https://www.klesf.net/>

7. Pihak kami amat berbesar hati sekiranya Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dapat menyokong program tersebut serta menyalurkan maklumat berkenaan KLESF: The Fair 2019 kepada sekolah-sekolah disekitar Negeri Sembilan. Poster mengenai KLESF akan dipanjangkan kepada pihak tuan selewat-lewatnya pada bulan Mei 2019.



Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dimajukan kepada Puan Marianne Masli (ditalian : 03-90860288 sambungan 119) dan Cik Lee Woan Shiang (ditalian : 03-90860288 sambungan 118).

8. Keprihatinan serta sokongan pihak tuan dalam menjayakan *KLESF: The Fair 2019* amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,



Prof Ts Dr Faidz bin Abd Rahman
Ahli Jawatankuasa Pemandu
Pesta Kejuruteraan dan Sains Kuala Lumpur 2019

Jointly organised by:

